



**TEKS UCAPAN
KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN
AWAM**

**SEMPENA
MAJLIS PERHIMPUNAN JABATAN
PERKHIDMATAN AWAM (PJPA)
BULAN FEBRUARI 2026**

**TEMA
TEKAD KESEMPURNAAN:
MANIFESTASI “ITQAN” DALAM
MEMBINA NEGARA**

TARIKH : 12 FEBRUARI 2026 (KHAMIS)
MASA : 9.00 PAGI – 11.00 PAGI
TEMPAT : AUDITORIUM
INTAN BUKIT KIARA
KUALA LUMPUR

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum WBT.

Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam Malaysia
MADANI.

Terima kasih saya ucapkan kepada Pengacara Majlis, Penaik Bendera, Pembaca Ikrar, Pembaca Doa dan Kumpulan Koir INTAN.

SALUTASI

(Salutasi disediakan berasingan.)

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga serta para sahabat Baginda sekalian.
2. Syukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan kasih sayang-Nya, kita masih diberi kesempatan berkumpul dalam **Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Perkhidmatan Awam bagi Februari 2026**, kali ini dengan tema **“Tekad Kesempurnaan: Manifestasi *Itqan* dalam Membina Negara”**.

3. Dengar dan baca, rasa berat tema ini. Sama saratnya dengan bulan Februari tahun ini yang hadir dalam suasana yang bukan sahaja penuh dengan sambutan tertentu (seperti Hari Wilayah Persekutuan dan Thaipusam serta yang bakal tiba Tahun Baharu Cina dan Ramadan al-Mubarak), tetapi juga disulami dengan titipan pesan dan amanat oleh pucuk pimpinan negara untuk kita sama-sama hayati.
4. **Terima kasih kepada semua warga JPA yang dapat hadir** pada pagi ini, sama ada secara fizikal mahupun secara dalam talian. Saya lihat kehadiran pada hari ini sangat memberangsangkan.
5. Terserlah sinar kegembiraan pada wajah semua yang saya pasti berkait rapat juga dengan pengumuman kerajaan pada 9 Februari 2026 (Isnin lalu) berkenaan dengan **SARA untuk semua**.
6. Sebagaimana yang diumumkan oleh Kementerian Kewangan, **RM100 telah disalurkan melalui MyKad secara “one-off” kepada 22 juta orang rakyat Malaysia berusia 18 tahun dan ke atas**. Inisiatif ini sudah tentu turut membantu meringankan sedikit sebanyak beban kewangan penjawat awam yang memerlukannya.
7. **Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri** atas usaha berterusan memastikan kebajikan rakyat terus terbela!

AMANAT YAB PERDANA MENTERI 2026: ITQAN DALAM PEMBINAAN NEGARA DAN KEYAKINAN RAKYAT

Warga JPA yang saya kasihi sekalian,

8. Berbalik kepada mauduk perhimpunan kita pada hari ini, suka saya ingatkan di sini akan penekanan **Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Amanat Tahun Baharu 2026 pada 5 Januari 2026** yang lepas. Beliau menegaskan sekali lagi berkenaan dengan konsep *itqan fil amal* sebagai asas utama dalam pembinaan negara dan pengukuhan institusi.
9. Ini merangkumi **tadbir urus yang teliti, dasar yang berfikir jauh ke hadapan serta pelaksanaan yang konsisten dan berdisiplin**. Manakala tindakan seperti pembersihan sistem, pembudayaan akauntabiliti dan pengukuhan integriti mesti dilaksanakan semasa memegang kuasa.
10. Selari dengan itu, **Yang Berbahagia Ketua Setiausaha Negara dalam amanat beliau pada 15 Januari 2026** telah menetapkan bahawa tahun 2026 ialah tahun untuk perkhidmatan awam **“Mempercepat Pelaksanaan, Memperhebat Reformasi”**.
11. Justeru, **kepantasan dalam perkhidmatan awam perlulah berteraskan itqan** – lahir daripada kejelasan mandat, kecekapan sistem dan keberanian membuat keputusan berasaskan analisis serta fakta. Ia bukanlah kepantasan yang gopoh, tetapi kepantasan yang bergerak seiring dengan ketepatan pelaksanaan demi kepentingan rakyat.

TEKAD KESEMPURNAAN: MANIFESTASI ITQAN DALAM MEMBINA NEGARA

Maka hadirin yang saya kasihi sekalian,

12. Mengambil semangat amanat kedua-dua pemimpin ini, tema perhimpunan, “**Tekad Kesempurnaan: Manifestasi *Itqan* Dalam Membina Negara**”, dipilih berasaskan keperluan kritikal untuk memperkukuh kualiti, ketelitian dan kebertanggungjawaban dalam setiap aspek perkhidmatan awam.
13. **Kesempurnaan** yang dimaksudkan di sini bukanlah tuntutan kepada kesempurnaan (*perfectionism*) yang membebankan. Tetapi satu **iltizam berterusan untuk melaksanakan tugas dengan sehabis baik, penuh amanah dan berlandaskan nilai profesionalisme.**
14. Samalah seperti konsep *itqan* dalam Islam, iaitu **melakukan sesuatu pekerjaan dengan tekun, bersungguh-sungguh dan menyempurnakannya pada tahap mutu yang tertinggi.** Bermakna, ukuran kecemerlangan kerja bukan pada kuantiti atau kecepatan semata-mata, tetapi pada tahap kesungguhan, ketelitian dan kualiti pelaksanaan.
15. Dalam konteks perkhidmatan awam, *itqan* boleh difahami sebagai prinsip universal kecemerlangan kerja. Bahasa mudahnya – **melakukan perkara yang betul, dengan cara yang betul, pada masa yang betul, walaupun tiada siapa yang memerhati.**

16. Jika boleh saya kongsi, petikan laporan “**Government at a Glance 2025**” yang dikeluarkan oleh Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD):

“Public trust in government is strengthened when state institutions demonstrate integrity, transparency and accountability in their operations and decision-making. Strong public integrity frameworks help ensure ethical conduct and reinforce confidence in the delivery of public services.”

17. Bermakna, **integriti, ketelusan dan akauntabiliti** perlu diterapkan secara sistemik dalam setiap tindakan dan keputusan.
18. Saya mengambil kesempatan ini untuk berkongsi berkenaan pencapaian terkini negara dalam **Indeks Persepsi Rasuah 2025** yang baru sahaja diumumkan pada Selasa lepas.
19. **Malaysia telah meningkat kedudukan daripada tangga ke-57 tahun 2024 kepada tempat ke-54 tahun 2025.** Inilah manifestasi *itqan* kerajaan dalam memperkukuh aspek integriti dan tadbir urus negara sekali gus memperlihatkan keyakinan global terhadap langkah reformasi serta pengukuhan akauntabiliti sektor awam. Syabas semua!
20. Kembali kepada *itqan* yang kita sedang bicarakan. Mungkin untuk lebih mudah dihayati dalam konteks pentadbiran moden, roh *itqan* ini boleh dirumuskan melalui **akronim berikut yang mudah diingati:**

21. **Pertama, “I” yang boleh diertikan sebagai ilmu dan *insight*.** Ilmu merujuk kepada penguasaan pengetahuan yang sahih, berautoriti dan sentiasa dikemas kini. Manakala *insight* pula ialah kebijaksanaan menterjemah ilmu kepada kefahaman yang mendalam, pertimbangan strategik dan keputusan berimpak tinggi.
22. **Kedua, “T” yang digambarkan sebagai tanggungjawab dan tadbir urus.** Tanggungjawab menuntut kesedaran bahawa setiap keputusan yang kita buat adalah membawa implikasi kepada rakyat dan negara. Manakala tadbir urus memastikan sesuatu amanah itu dilaksanakan secara telus, berintegriti dan boleh dipertanggungjawabkan. Inilah asas kepada akauntabiliti, di mana kuasa bukan hak mutlak, tetapi amanah yang sentiasa tertakluk kepada semakan moral, undang-undang dan nilai.
23. **Ketiga, “Q” yang merujuk kepada *quality* dan *qist*.** Kualiti sudah tentu menekankan mutu pelaksanaan yang tinggi, berdisiplin dan berimpak, sementara *qist* (perkataan arab) membawa dimensi keadilan substantif, iaitu keadilan dalam akses, proses dan hasil. Kualiti tanpa keadilan melahirkan ketidaksamarataan, manakala keadilan tanpa kualiti melahirkan ketidakcekapan. Dalam hal ini, perkhidmatan awam yang *itqan* ialah perkhidmatan yang menyeimbangkan kedua-duanya secara serentak.
24. **Keempat, “A” yang merangkumi amanah digital dan akhlak teknologi.** Dalam era pendigitalan dan kecerdasan buatan, *itqan* memerlukan lebih daripada kecekapan teknologi semata-mata. Ia menuntut amanah digital khususnya dalam pengurusan data yang beretika, telus

dan selamat.

25. Begitu juga dengan akhlak teknologi yang memerlukan kebijaksanaan penggunaan teknologi sebagai alat memperkasa manusia, bukan menggantikan pertimbangan nilai.
26. Terkait dengan itu, suka saya menarik perhatian semua kepada penekanan Yang Berbahagia Ketua Setiausaha Negara dalam **Permukiman Ketua Setiausaha dan Ketua Perkhidmatan pada 6 dan 7 Februari 2026** yang lalu, iaitu ke arah **pelaksanaan urusan pentadbiran yang lebih cekap, termasuk amalan kerja secara *paperless*.**
27. Ini diperkukuhkan lagi dengan **surat Ketua Setiausaha Kementerian Digital bertarikh 7 Februari 2026** mengenai **pelaksanaan sepenuhnya urusan kerajaan secara digital.**
28. Sudah tentu reformasi budaya kerja yang berlaku memerlukan peningkatan kemahiran digital dalam kalangan penjawat awam. Dalam hal ini, saya melihat **INTAN perlu terus memainkan peranan penting sebagai institusi pembelajaran sektor awam** terutamanya dalam memperkukuh literasi digital, kecekapan penggunaan sistem dan kefahaman terhadap tadbir urus data yang bertanggungjawab.
29. Sesungguhnya, teknologi tanpa akhlak berisiko merosakkan kepercayaan. Manakala, teknologi berteraskan amanah akan memperkukuh legitimasi kerajaan.

30. **Kelima, “N”, iaitu niat dan nilai yang pada akhirnya, *itqan* berpunca daripada niat yang betul dan nilai yang kukuh.** Niat menentukan arah, nilai menentukan batas. Dalam perkhidmatan awam, keikhlasan berkhidmat, komitmen kepada kebaikan awam dan kesetiaan kepada nilai-nilai yang menjadi pegangan penjawat awam menjadi asas kepada segala tindakan. Apabila niat dan nilai selari, maka dasar menjadi berjiwa, pelaksanaan menjadi bermakna dan perkhidmatan meninggalkan kesan yang berkekalan kepada rakyat.
31. Inilah makna *itqan* yang perlu kita hayati bersama-sama. Ia bukan konsep abstrak, tetapi kerangka nilai kerja yang membimbing cara kita berfikir, membuat keputusan dan berkhidmat setiap hari.

PELUNCURAN CITRA STRATEGIK INTAN 2030

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

32. Pada hari ini kita akan menyaksikan **peluncuran Citra Strategik INTAN 2030**. Menjadi sejarah kepada INTAN kerana buat pertama kalinya INTAN mempunyai satu dokumen strategik bertulis yang menggarap hala tuju INTAN untuk tempoh lima tahun bermula pada tahun ini.
33. Lebih bermakna, naskhah strategik yang **diluluskan dalam Mesyuarat Penasihat INTAN Bilangan 2 Tahun 2025 pada 8 Disember 2025** yang lalu ini telah dibangunkan dan **dihasilkan dengan menggunakan seratus (100) peratus kepakaran dalaman INTAN** melalui metodologi yang sistematik.

34. **Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada INTAN!** Semoga dengan adanya dokumen ini akan menjadi panduan kepada INTAN dalam melonjakkan prestasinya sebagai institusi latihan sektor awam primer yang lebih gemilang. Saya percaya, ia juga adalah sebahagian daripada *itqan fil amal* INTAN dalam merealisasikan iltizam untuk melahirkan lebih ramai penjawat awam yang berprestasi dan berkompentensi tinggi. Insya-Allah.

PENUTUP

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

35. Sebagai rumusan, adalah menjadi harapan saya agar majlis ini dapat memperkukuh lagi iltizam kita untuk menjadikan tekad kesempurnaan sebagai budaya kerja, dan *itqan* sebagai prinsip asas dalam setiap tindakan serta keputusan.
36. Dalam landskap perkhidmatan awam yang semakin mencabar, kita tidak boleh berpuas hati dengan pencapaian lalu, sebaliknya perlu terus memperbaiki cara berfikir, cara bekerja dan cara berkhidmat. Hanya dengan pendekatan yang berfokus kepada kualiti, kepantasan, integriti dan pengalaman rakyat, perkhidmatan awam akan kekal relevan, dipercayai dan dihormati.
37. Jadi, sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya merakamkan **setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada INTAN** selaku penganjur PJPA INTAN pada hari ini.

38. Juga **terima kasih saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung dan tidak langsung** dalam memastikan kelancaran penganjuran majlis ini. Lebih-lebih lagi kepada rakan strategik pempamer yang bersama-sama dengan kita hari ini. Saya difahamkan ada lebih 24 buah reruai yang mengambil bahagian. Insya-Allah selepas ini saya pergi lawat.
39. Akhir kata, marilah kita melangkah ke hadapan dengan dengan penuh tekad menyempurnakan amanah dan tanggungjawab dengan berlandaskan ***itqan***. Dengan kesungguhan, keikhlasan dan komitmen yang berterusan, saya yakin perkhidmatan awam Malaysia, khususnya Jabatan Perkhidmatan Awam akan terus menjadi peneraju perubahan.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

-TAMAT-

(1,596 patah perkataan tidak termasuk saluti)